



www.mbjb.gov.my

# LENSA

*Bandar Raya JB*

LENSA MBBB BIL. 4 / 2018

MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI

## **KURNIAAN DARJAH KEBESARAN & PINGAT KEPADA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU**



**LAWATAN SISTEM PENARAFAN  
BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN**



**MBJB TERIMA ANUGERAH KHAS  
JURI, ANUGERAH CITRA BULETIN  
MANDALA SELATAN DBP**



**PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
ASIA & SERANTAU (ICLCA)**



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi

**MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU**

m/s

## KANDUNGAN

M/S 3	– KURNIAAN DARJAH KEBESARAN & PINGAT KEPADA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU
M/S 4	– AUDIT PEMANTAUAN & PENARAFAN (MS ISO 9001: 2015)
M/S 4	– KEJOHANAN JB CHESSMASTER 2018
M/S 5	– AUDIT EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
M/S 6	– MBBJ TERIMA ANUGERAH KHAS JURI
M/S 7	– KEJOHANAN TINJU PIALA DATUK BANDAR
M/S 8 & 9	– INFO LAWATAN
MS 10	– KILAS LENSA
M/S 11	– MAJLIS PELANTIKAN & ANGKAT SUMPAA AHLI MAJLIS MBBJ
M/S 12 & 13	– PERSIDANGAN ANTARABANGSA KARBON RENDAH ASIA & SERANTAU (ICLCA)
M/S 14	– LAWATAN PENILAIAN SPB PBT
M/S 15	– SEMBANG DHUHA MUSLIMAT
M/S 16 & 17	– PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
M/S 18	– FOKUS LENSA
M/S 19	– LENSA SUKAN BANDAR RAYA
M/S 20 & 21	– MBBJ SANA SINI
M/S 22	– MALAM APRESIASI MEDIA JUBLI PERAK
M/S 23	– SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1440H

## SIDANG PENGARANG BULETIN

## PENAUNG

Dato' Haji Amran bin A. Rahman  
Datuk Bandar

## PENASIHAT

Ir. Hajah Nazatul Shima binti  
Mohamad  
Timbalan Setiausaha

## KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

## SIDANG PENGARANG

Hidayah binti Yusof  
Nurul Shafina binti Shaari  
Norasmah binti Mohd Adros

## JURU FOTO

Bahri bin Abdullah  
Romzi bin Yusof

## URUS SETIA

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan  
Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

*LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:*

**Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

*HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.*

## DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)

<b>PEJABAT DATUK BANDAR</b>		Unit Dasar, Inovasi & Latihan	07-219 8171/ 2198114	Pejabat Am	07-228 2597
Pejabat Am	07-228 2600	Unit Mesyuarat	07-228 2610	Bahagian Pengangkutan Bandar	07-227 7235
<b>PEJABAT SETIAUSAHA</b>		<b>JABATAN KEWANGAN</b>		Bahagian Kejuruteraan Awam	07-219 8131
Pejabat Am	07-228 2625	Pejabat Pengarah Kewangan	07-219 8091	Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC	07-351 1503
<b>TIMBALAN SETIAUSAHA</b>		Bahagian Hasil	07-219 8050	Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin)	07-351 3262
Pejabat Am	07-219 8105	Bahagian Perbelanjaan	07-219 8093	Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai	07-219 8125
<b>BAHAGIAN KORPORAT &amp; PERHUBUNGAN AWAM</b>		Unit Letak Kereta	07-219 8077	<b>JABATAN KESIHATAN</b>	
Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8060	<b>JABATAN PENILAIAN &amp; PENGURUSAN HARTA</b>		Pejabat Pengarah Kesihatan	07-228 2619
Unit Perhubungan Awam (Aduan)	07-219 8061	Pejabat Pengarah Penilaian	07-219 8223	Bahagian Kesihatan Awam	07-228 2564
Unit Korporat & Penerbitan	07-219 8052	Bahagian Penilaian	07-227 1055	Klinik Bandaraya (JOTIC)	07-228 2630
Unit Penswastaaan & Pelaburan	07-228 2627	Bahagian Pengurusan Harta	07-223 8469	Bahagian Kesihatan Alam Sekitar	07-228 2605
<b>BAHAGIAN AUDIT DALAM</b>		Bahagian Tunggakan Cukai Harta & Caj Pemajuan	07-222 9962	<b>JABATAN PELESENAN</b>	
Pejabat Am	07-219 8311	<b>JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN</b>		Pejabat Pengarah Pelesenan	07-228 2563
<b>BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)</b>		Pejabat Pengarah Perancangan	07-227 1029	Bahagian Pelesenan	07-228 2501
Pejabat Am	07-223 8531	Bahagian Kawalan Perancangan	07-219 8218	Bahagian Penjaja	07-227 7576
<b>BAHAGIAN UNDANG-UNDANG</b>		Bahagian Rancangan Pemajuan	07-219 8245	Unit Iklan	07-228 2562
Pejabat Penasihat Undang-Undang	07-219 8302	<b>JABATAN BANGUNAN</b>		<b>JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN</b>	
Pejabat Am	07-219 8305	Bahagian Kawalan Bangunan	07-228 2511	Pejabat Pengarah Kemasyarakatan	07-223 1026
Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru)	07-228 2643	Bahagian Penguatkuasaan Bangunan	07-219 8237	Bahagian Sukan & Pelancongan	07-224 6708
<b>UNIT HENTIAN SETEMPAT (OSC)</b>		Bahagian Projek Bangunan	07-219 8145	Bahagian Sosial & Kebudayaan	07-224 4139
Pejabat Am	07-222 4923	<b>JABATAN LANDSKAP</b>		Perpustakaan Sultan Ismail	07-239 1791
<b>JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN</b>		Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap	07-228 2635	<b>BAHAGIAN Penguatkuasaan</b>	
Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan	07-219 8371	Bahagian Taman Awam	07-228 2636	Pejabat Am	07-219 8229
Bahagian Pentadbiran	07-219 8359	Bahagian Arborikultur	07-217 4575	Direktorat Penguatkuasa (Segget)	07-226 1025
Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8069	Bahagian Hortikultur	07-216 7964	<b>BAHAGIAN INTEGRITI</b>	
Bahagian Sumber Manusia	07-219 8183	<b>JABATAN KEJURUTERAAN</b>		Pejabat Am	07-219 8117
Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8097	Pejabat Pengarah Kejuruteraan	07-228 2596		

# KURNIAAN DARJAH KEBESARAN & PINGAT KEPADA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU



**22 NOVEMBER 2018** – Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Tn. Hj. Amran bin A. Rahman telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Kedua Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor (DMLJ) yang membawa gelaran Dato' sempena Hari Keputeraan Sultan Johor, DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Tahniah diucapkan!

Sumber foto : Royal Press Office

# AUDIT PEMANTAUAN & PENARAFAN STANDARD BAHARU SISTEM PENGURUSAN KUALITI (MS 150 9001:2015)

Teks Oleh: Siti Hawa binti Amin



**1-2 OKTOBER 2018** – Audit pemantauan dan penarafan standard baharu sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001: 2015 telah dilaksanakan oleh Pasukan Audit dari SIRIM Qas International Sdn. Bhd. yang bertujuan :

- (i) menilai dan menentu sah keberkesanan sistem pengurusan kualiti (SPK) organisasi kepada standard ISO 9001.
- (ii) menilai kemampuan sistem pengurusan kualiti organisasi MBBJ agar mencapai objektif yang ditetapkan secara berterusan.

Kriteria auditan merangkumi aspek berdasarkan kepada kepiawaian MS ISO 9001: 2015, semasa dokumen-dokumen sistem pengurusan kualiti (SPK) dan akta yang berkaitan sebelum hasil penemuan secara lisan mahupun bertulis dibentangkan. Seramai tiga orang juruaudit dari SIRIM Qas *International* Sdn. Bhd. melaksanakan auditan ke atas MBBJ iaitu Tn. Syed Faddy bin Syed Bahrudin selaku Ketua Audit, Pn. Kamsiah binti Mansoor dan YM Tengku Aidil bin Al'Haj Tg. Amiruddin. MBBJ berjaya memperoleh pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001: 2015 dalam tempoh tiga (3) tahun daripada SIRIM Qas *International* Sdn. Bhd.



## KEJOHANAN JB CHESSMASTER 2018

Teks Oleh: Nurfarahin binti Haron

**13 OKTOBER 2018** – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Persatuan Catur Daerah Johor Bahru telah menganjurkan Kejohanan JB Chessmaster bertempat di Atrium, Bangunan JOTIC, Johor Bahru dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 petang. Penganjuran program ini bertujuan memupuk semangat kesukanan dan silaturahim di samping memperkasa amalan gaya hidup sihat sempena sambutan Hari Sukan Negara pada 10 Oktober lalu.

Kejohanan catur ini terbuka kepada individu remaja berusia bawah 17 tahun dan 12 tahun serta terbuka kepada warga bandar raya Johor Bahru. Para peserta diadili oleh pengadil dan wakil teknikal yang bertauliah sepanjang berlangsungnya kejohanan ini.

Pemenang bertuah bagi kedua-dua kategori dipilih dari tempat pertama hingga kesepuluh dan masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai (keseluruhan wang tunai berjumlah RM 4,420.00), piala, medal dan sijil penyertaan. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



# AUDIT EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Teks Oleh: Siti Hawa binti Amin



**17-18 OKTOBER 2018** – Pelaksanaan EKSA bertujuan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan selamat, memastikan pengurusan operasi organisasi lebih cekap dan ber sistem di samping menghasilkan prestasi kerja yang berkualiti dan produktif bagi memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholder*.

Komponen utama EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambahbaik di samping beberapa elemen baharu diperkenalkan seperti persekitaran kondusif, teknologi hijau, inovasi dan kreativiti serta keselamatan dan keselesaan.

Penilaian Audit EKSA ke atas Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dijalankan oleh dua (2) orang panel dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu Pn. Zuasma binti Yahya dan Pn. Nur Amalina binti Zakaria.





**MBJB TERIMA ANUGERAH KHAS JURI  
ANUGERAH CITRA BULETIN  
MANDALA SELATAN DBP**



**20 OKTOBER 2018** – YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor telah hadir merasmikan Program Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan Jerayawara Zon Selatan 2018 anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan, MBBB dan *Angsana Johor Bahru Mall*, bertempat di *Angsana Johor Bahru Mall*. Beliau turut berkesempatan menyampaikan hadiah kepada semua pemenang kategori bagi Anugerah Citra Buletin Mandala Selatan 2018 yang melayakkan MBBB menerima Anugerah Khas Juri bagi penerbitan Buletin Lensa Bandar Raya JB. Anugerah ini bertujuan memberikan pengiktirafan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan badan berkanun yang menggunakan Bahasa Melayu yang betul dalam bahan penerbitan. Terdapat enam kategori yang disediakan iaitu kategori Gemilang Bahasa, kategori Penulisan Rencana Terbaik, kategori Pelaporan Berita Terbaik, kategori Editor Buletin Terbaik, Anugerah Khas Juri dan kategori Buletin Terbaik untuk dimenangi.

# KEJOHANAN TINJU PIALA DATUK BANDAR



Teks Oleh: Nurfarahin binti Haron



**21 OKTOBER 2018** – MBBJ dengan kerjasama *FH Promotion* (Malaysia), Majlis Sukan Negeri Johor dan *Tourism Johor* telah menganjurkan Kejuhanan Tinju Piala Datuk Bandar (*Johor Bahru Mayor's Boxing Cup 2018*) bertempat di Dewan Muafakat Adda Heights Johor Bahru. Kejuhanan antarabangsa ini bermula jam 3.00 petang hingga 6.30 petang (sesi 1 kejuhanan) dan jam 8.30 malam hingga 10.30 malam (*special fight appearance*).

Turut berangkat menyaksikan kejuhanan ini ialah Tunku Mahkota Johor, DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim berserta isteri, YM Che Puan Khaleeda Bustamam. Di samping itu, YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru dan En. Abdul Malik Ismail, Pengarah *Tourism Johor* juga turut hadir di kejuhanan tersebut.



Jaguh tinju Asia, Muhamad Farkhan Mohd Haron dari Johor Bahru telah merangkul juara bagi kejuhanan ini untuk tempoh dua kali berturut-turut. Beliau kini memegang gelaran petinju kelas dunia dengan rekod tertinggi yang dikecapi iaitu *World Boxing Confederation Asia* dan kejuhanan *Cruiserweight Boxing Federation Asia* yang melayakkan beliau berada dalam *ranking 40* teratas dunia. Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Tunku Mahkota Johor, DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim.



Kejuhanan ini turut disertai peninju dari Malaysia (Johor & Pulau Pinang), Kazakhstan, Uzbekistan, Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina. Dianggarkan sejumlah 100 peninju (profesional dan amatir) mengambil bahagian dalam kejuhanan ini.





**Lawatan dari Majlis Perbandaran Kuantan**



**Tarikh : 7 Oktober 2018  
Jumlah peserta : 80 orang**



**Lawatan dari Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru**



**Tarikh : 29 Oktober 2018  
Jumlah peserta: 20 orang  
Objektif : Mempelajari tentang pembangunan Johor Bahru dan Sistem i-Perolehan.**

# Info Lawatan



**Lawatan dari Majlis Perbandaran Kluang**



**Tarikh : 7-8 November 2018  
Jumlah peserta : 15 orang  
Objektif : Lawatan sambil belajar berkaitan sistem e-PBT bagi modul cukai taksiran harta.**



**Lawatan dari Pejabat Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus**



**Tarikh : 12 November 2018  
Jumlah peserta : 42 orang  
Objektif : Berkongsi pengalaman berhubung pelaksanaan perakaunan dalam pengurusan kewangan, aset dan pengurusan hasil.**



**Lawatan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**



**Tarikh : 13 November 2018  
Jumlah peserta: 20 orang  
Objektif : Mempelajari kaedah dan kejayaan pelaksanaan bazar larut malam di sekitar Johor Bahru, termasuklah konsep perniagaan, pengurusan penjaja, pengurusan trafik dan lain-lain di bazar tersebut.**





**Lawatan Majlis Bersama Jabatan, Majlis Perbandaran Selayang**

**Tarikh :** 18 November 2018  
**Jumlah peserta :** 33 orang  
**Objektif :** Mempelajari pengalaman MBBJ bagi pengurusan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan hubungan baik dengan pekerja.



**Lawatan dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

**Tarikh :** 25 November 2018  
**Jumlah peserta :** 46 orang  
**Objektif :** Mempelajari dan meninjau aspek pengurusan kemudahan aset, fasiliti sukan dan pengurusan inventori aset dan kawasan padang.



**Lawatan dari Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya**



**Lawatan dari Majlis Bandaraya Shah Alam**



**Tarikh :** 16 Disember 2018  
**Jumlah peserta :** 18 orang  
**Objektif :** Mempelajari amalan pengurusan tuntutan hasil cukai dan kaedah kutipan yang diamalkan di MBBJ.



**Tarikh :** 16 Disember 2018  
**Jumlah peserta :** 18 orang  
**Objektif :** Mempelajari amalan pengurusan tuntutan hasil cukai dan kaedah kutipan yang diamalkan di MBBJ.

# Info Lawatan



Tarikh:  
6 OKTOBER 2018

## JB WAKE UP! GAR FREE DAY

Program santai sihat ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung antaranya zumba, aktiviti berbasikal, *skateboarders*, berjoging dan *plogging*. Pelaksanaan program ini bagi menjadikan Johor Bahru sebagai bandar raya rendah karbon di samping mempromosikan amalan gaya hidup sihat kepada masyarakat.



# Kilas Lensa



Tarikh:  
7 OKTOBER 2018

## SESI BUAL BICARA KETUA SETIAUSAHA NEGARA BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR

Program bual bicara antara Datuk Seri Dr. Ismail Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama penjawat-penjawat awam negeri Johor diadakan di Persada Johor, dan menghimpunkan kira-kira 1,500 penjawat awam negeri dan persekutuan, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

## SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN

Seminar diadakan bertempat di Hotel Holiday Villa Johor Bahru, diisi dengan sesi pembentangan kursus oleh pembentang dari Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), pembentang dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan pembentang dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kepada para peserta.



Tarikh:  
12 NOVEMBER 2018



## BENGGKEL 1 DCP CHAMPION MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Bengkel ini diadakan di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Johor Bahru. Sesi taklimat disampaikan pihak MBBJ oleh En. Rosli bin Yusop, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) oleh En. Mohamad Azrol Mohd Dali dan pihak FGDCP oleh Ir. Bashir Ahamed Maideen. Turut diadakan, sesi pembahagian dan perbincangan kumpulan untuk para peserta.



Tarikh:  
14-15 NOVEMBER 2018



## PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SEMPERNA SAMBUTAN JUBLI PERAK MBBJ

Pertandingan Mencipta Logo Sempena Sambutan Jubli Perak MBBJ (1994-2019) telah diadakan bermula 31 Julai hingga 30 Ogos 2018. Pemenangnya, Ahmad Sharim bin Mohamed yang berasal dari Kuala Terengganu membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 berserta sijil. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ. Logo yang dihasilkan menggambarkan identiti dan imej korporat MBBJ serta menepati tujuan sambutan Jubli Perak MBBJ.



Tarikh:  
18 NOVEMBER 2018





# MAJLIS PELANTIKAN & ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MBBJ FASA 2

**Bagi Tempoh 15 Julai 2018 hingga 31 Disember 2019**

Teks Oleh: Nurul Shafina Shaari

**23 OKTOBER 2018** – Seramai 11 orang lagi Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru mengangkat sumpah bagi penggal baharu 2018/2019 untuk memberi perkhidmatan dan mewakili zon masing-masing. Pelantikan baharu Ahli Majlis untuk sesi kedua ini menjadikan keseluruhan Ahli Majlis yang dilantik adalah seramai 22 orang. Pada 17 Julai lalu, 11 orang Ahli Majlis telah dilantik untuk fasa pertama.

Majlis dimulakan dengan upacara pelantikan dan angkat sumpah Ahli-Ahli Majlis MBBJ, diikuti dengan penyerahan surat pelantikan Ahli-Ahli Majlis dan pengakuan menerima jawatan sertaakuan sumpah menyimpan rahsia dan ikrar menentang rasuah. Datuk Bandar Johor Bahru kemudiannya membacakan surat cara pelantikan Ahli-Ahli Majlis MBBJ bagi penggal 2018 hingga 2019 kepada Ahli-Ahli Majlis yang dilantik bagi fasa yang kedua.

Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah Ahli Majlis itu disaksikan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik pada fasa pertama, pegawai-pegawai MBBJ serta rakan media. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan Ahli Majlis MBBJ yang baharu dilantik.



## SENARAI AHLI MAJLIS MBBJ Bagi Tempoh 15 Julai 2018 - 31 Disember 2019



**PN. FA'IZAH BINTI AMAT SAPAR**  
Zon Bakar Batu



**EN. SHAMSUL BIN BAKRI**  
Zon Tiram



**EN. POH PAI YIK**  
Zon Taman Rinting



**EN. JUNID BIN ABD RAHMAN**  
Zon Desa Cemerlang



**EN. ANDREW ERICKSON A/L A.H. PEREIRA**  
Zon Dato Onn



**EN. TEOH ENG YOON**  
Zon Setia Austin



**EN. JOHN FERNANDEZ**  
Zon Taman Abad



**PN. STEPHANIE WANG PEI SHI**  
Zon Taman Molek



**EN. RIPIN BIN AHMAD**  
Zon Mount Austin



**EN. MOHAMAD ISA BIN MOHAMAD BASIR**  
Zon Pelangi Indah



**EN. BOON SIN WEI**  
Zon Stulang



# Persidangan Antarabangsa KARBON RENDAH ASIA & SERANTAU (ICLCA)


Teks Oleh: Mohd Anariza bin Mohd Noor



**24-26 OKTOBER 2018** – MBBJ dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Karbon Rendah Asia dan Serantau kali ke-4 yang diadakan di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru.

Penganjuran persidangan ini adalah secara perkongsian pintar (*smart partnership*) antara MBBJ dan UTM bagi menyahut seruan kerajaan mengurangkan pelepasan karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 dan juga selaras dengan Dasar Kelestarian Negeri Johor (2017-2021) di bawah Teras 3 iaitu 'Menghijaukan Ekonomi'. Pelaksanaannya juga sejajar dengan usaha MBBJ ke arah bandar raya antarabangsa menjelang tahun 2020.

Selain itu, tujuan utama penganjuran persidangan ini juga adalah bagi membolehkan polisi rendah karbon di Malaysia dapat direalisasikan dengan lebih berkesan, di samping menjadi medan pertukaran pengetahuan berkaitan usaha yang telah dijalankan oleh negara Asia dalam menangani isu rendah karbon ini.





Majlis perasmian persidangan ini disempurnakan oleh YB Tuan Tan Hong Pin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Negeri Johor selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor. Beliau telah diiringi oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman Datuk Bandar Johor Bahru, YBhg. Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Timbalan Setiausaha MBBJ dan Pengerusi ICLCA 2018. Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan hasrat dan komitmen Kerajaan Negeri Johor untuk merealisasikan agenda masyarakat rendah karbon melalui beberapa inisiatif utama yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia 2025. Dalam pada itu, MBBJ juga telah melancarkan 'Johor Bahru Low Carbon Society Action Plan 2025' sewaktu majlis tersebut.

Persidangan ini turut dihadiri oleh peserta-peserta dari negara Asia seperti Jepun, Korea, Thailand, Singapura, Indonesia, Taiwan dan sebagainya. Antara pengisian utama persidangan ini ialah pembentangan kertas kerja dari pelbagai negara, bengkel, perbincangan, pameran dan lawatan tapak.





# Lawatan Penilaian SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB PBT) 2018

Teks Oleh: Norani binti Alwi

**25 OKTOBER 2018** – Lawatan Penilaian bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2018 oleh Bahagian Dasar dan Inspektorat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dilaksanakan di semua PBT bertujuan memastikan prestasi penyampaian perkhidmatan setiap PBT kepada orang awam adalah cekap, telus dan efisien serta untuk meletakkan sesebuah PBT di kedudukan yang sesuai mengikut 'ranking' terbaik.

Tumpuan penilaian SPB-PBT adalah berdasarkan kepada empat (4) kriteria utama dengan wajaran masing-masing iaitu aspek pengurusan (20%), perkhidmatan-perkhidmatan teras (40%), pengurusan pelanggan (15%), penglibatan komuniti (15%) dan pandangan penduduk (10%).

Pada penilaian SPB-PBT kali ini, wakil daripada pasukan Inspektorat KPKT juga mengadakan tinjauan di tapak bagi menilai pelaksanaan PBT dalam inisiatif mengurangkan jenayah jalanan, kejiranan hijau, taman awam, setor penguatkuasa, penggredan premis makanan dan tandas awam, pengurusan kitar semula, pengkomposan sisa pepejal dan pelaksanaan Undang-Undang Kecil. Hasil tinjauan ini akan menyokong penilaian pasukan inspektorat yang dilaksanakan di pejabat. Seramai tujuh (7) orang panel penilai hadir ke MBBJ untuk audit kali ini yang diketuai oleh Dr. Yap Hock Ann, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Inspektorat, KPKT.



## SEMBANG DHUHA MUSLIMAT

# 'Hakikat Kebahagiaan Yang Sebenar'

Teks Oleh : Yusuf Hasni bin Haji Montalib



**4 NOVEMBER 2018** – Sembang Dhuha Muslimat kali ini menampilkan penceramah jemputan yang mula dikenali ramai iaitu Al-Fadhilah Ustazah Asni Abu Mansor Al-Hafizah, merupakan seorang penceramah bebas media TV tempatan, Penolong Pengarah Urusan Tahsin Al-Quran Training Centre dan Guru Tahfiz Tahsin Quran Training Centre.

Program berbentuk bual bicara berjudul 'Hakikat Kebahagiaan Yang Sebenar' ini diadakan bertempat di Auditorium Bangunan JOTIC, Johor Bahru dan menyasarkan semua anggota wanita MBBJ dan Ahli Puspanita MBBJ.

Penganjuran program ini secara tidak langsung mengambil manfaat mutiara ilmu untuk membentuk sahsiah muslimah sejati, di samping menyuburkan 'biah solehah' dalam diri dan persekitaran dan sebagai panduan mempersiapkan diri dalam menghadapi fitnah akhir zaman sebagai seorang muslimah.



# PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21

**Fiesta Bersama Rakyat Zon Bandar di Dewan Tarom, JB  
Tarikh: 5 Oktober 2018**



**Pesta Tanglung Zon Desa Cemerlang di SJK Pei Chi Desa Cemerlang  
Tarikh: 5 Oktober 2018**



**Gotong-Royong Zon Teluk Danga di Surau Al-Hijrah, Kg. Bakar Batu  
Tarikh: 13 Oktober 2018**



**Program Prihatin Bandar Raya Zon Kangkar Daya di Taman Daya  
Tarikh: 20 Oktober 2018**



**Ramah Mesra Zon Bandar Baru Uda di RP Suria Muafakat  
Tarikh: 20 Oktober 2018**



**Majlis Dialog Zon Setia Austin di JP Perdana 2  
Tarikh: 27 Oktober 2018**





**Program Anti Dadah Zon Larkin**  
Tarikh: 27 Oktober 2018



**Gotong-Royong Zon Bakar Batu di RP Desa Melayu**  
Tarikh: 6 November 2018



**Program Jom Sihat Zon Tampoi di RP Sri Murni 2**  
Tarikh: 10 November 2018



**Program Prihatin Bandar Raya Zon Taman Molek di RP Tasek Pandan**  
Tarikh: 10 November 2018



**Program Gotong-Royong di Pusat Penjaja Taman Pelangi**  
Tarikh: 20 November 2018



**Program Khatan Perdana Zon Pelangi**  
Tarikh: 8 Disember 2018



**Kempen Love U Heart, Love U Lung**  
Tarikh: 8 Disember 2018



**Program Bandar Raya Prihatin di RP Taman Pelangi Indah**  
Tarikh: 15 Disember 2018

## Team Compass MBBJ Raih 2 Anugerah Di ICQCC



**24 OKTOBER 2018** – Team Compass MBBJ telah berjaya meraih *Gold Award* dan *Best Project from Malaysia* (projek terbaik mengikut setiap negara) dalam *International Convention on Quality Control Circles 2018 ICQCC* di *Resorts World Sentosa*, Singapura. Compass telah mempersembahkan projek berjudul ‘Kelewatan Menyediakan Jadual Sebutharga dan Tender’ melalui penyelesaian menggunakan ‘Sistem iPerolehan MBBJ’. Penggunaan sistem ini secara tidak langsung membantu menjimatkan kos, masa dan tenaga serta meningkatkan produktiviti kerja. Syabas kepada Team Compass MBBJ!

## Dataran Recreational Night



**9 NOVEMBER 2018** – Program santai anjuran Bahagian Sukan & Pelancongan, MBBJ yang diadakan setiap hari Jumaat dan Sabtu minggu kedua, ketiga dan keempat pada setiap bulan bermula jam 8.30 malam hingga 12 tengah malam di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Program ini memberi kemudahan kepada penduduk untuk beriadah di samping menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga bandar raya. Orang ramai boleh melakukan aktiviti seperti berbasikal, larian, zumba, persembahan orkestra, cabutan bertuah dan sebagainya.

## MBBJ Juara Pertandingan Bahasa Isyarat Malaysia



**11 NOVEMBER 2018** – Bertempat di Paradigm Mall Johor Bahru, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim (YPKDT) telah mengadakan Pertandingan Bahasa Isyarat Malaysia antara penjawat awam negeri Johor sempena Karnival Wanita Peringkat Negeri Johor 2018. Pertandingan ini merupakan platform untuk penjawat awam yang pernah menghadiri Kursus Bahasa Isyarat Malaysia (KABIM) bagi penguasaan komunikasi isyarat tangan, di samping mewujudkan perkhidmatan mesra pelanggan OKU ketika berurusan. Penilaian terhadap peserta dinilai dari aspek pemahaman dan penguasaan kemahiran Bahasa Isyarat Malaysia dan penyampaian daripada bahasa isyarat ke bahasa lisan dan adab. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBBJ) telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan ini melalui penyertaan dua wakil pesertanya iaitu Cik Radhiah binti Haji Sutan Ibrahim, Penolong Pengarah Integriti, MBBJ dan Encik Hazwan Hadi bin Othman, Pembantu Penguatkuasa MBBJ. Tahniah diucapkan!



# LENSEN SUKAN BANDAR RAYA

Teks Oleh: Romzi bin Yusof

**MBJB** tampil menyerlah dengan penglibatan cemerlang anggotanya dalam acara sukan mewakili Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Syabas diucapkan!

## PARA SUKMA XIX PERAK 2018



**Tarikh :** 21 - 28 November 2018

**Athlet :** Mohammad Fakhru Syah Faizil

**Pencapaian :** Meraih pingat perak acara Olahraga Lelaki 200M (T44), masa larian 29.07 saat & pingat gangsa acara Olahraga Lelaki 100M (T44), masa larian 13.79 saat.

## PERLUMBAAN PERAHU NAGA MELAKA SEMENA FESTIVAL ANTARABANGSA SUNGAI MELAKA 2018



**Tarikh :** 2 Disember 2018

**Lokasi :** Muara Sungai Melaka

**Pencapaian :** Johan Acara 200m (Men Open)

## TANJUNG PINANG INTERNATIONAL DRAGON BOAT RACE 2018



**Tarikh :** 19 - 21 Oktober 2018

**Lokasi :** Perairan Sungai Carang Tanjung Pinang Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia

**Pencapaian :** Johan Acara *International*

## KEJOHANAN DART KERAJAAN TEMPATAN



**Tarikh :** 29 November - 1 Disember 2018

**Pencapaian :** *Team* Dart MBJB menyertai Kejohanan Dart Kerajaan Tempatan di Port Dickson.

## ISKANDAR PUTERI KAYAK CHALLENGE 2018 (IPKC)



**Tarikh :** 15 Disember 2018

**Lokasi :** Puteri Harbour, Johor Bahru

**Athlet :** Fajan bin Satta dan Imam Sujadi bin Satta

**Pencapaian :** Johan Kayak Maraton bagi Kategori A- Lelaki Terbuka Berpasangan (masa terpanjang 2:30'33) & Johan Keseluruhan.



Sambutan Hari Pos Sedunia di Pejabat Pos Besar Johor Bahru  
Tarikh: 9 Oktober 2018



Perlawanan Hoki Remaja Piala Sultan Johor di Stadium Hoki Taman Daya  
Tarikh: 13 Oktober 2018



Pertandingan Koir di Pusat Penyiaran Sultan Iskandar  
Tarikh: 17 Oktober 2018



Majlis Penyerahan Bantuan Deepavali YBBJ di Dewan Muafakat Sri Stulang  
Tarikh: 30 Oktober 2018



Flag Off Trail Run di Zero Mile (KM 0) Johor Bahru  
Tarikh: 30 Oktober 2018



Program Kayuhan Kelantan Century Ride 2018 di Kota Bharu, Kelantan  
Tarikh: 3 November 2018



Majlis Perasmian Arca Warisan IIBD di Jalan Wong Ah Fook  
Tarikh: 4 November 2018

# MBJB SANA SINI



Konvensyen Ahli-Ahli Majlis  
PBT Johor di Persada Johor  
Tarikh: 12-13 November 2018



Istiadat Meletak Kerja  
Sempena Hari Keputeraan  
Sultan Johor di Istana  
Besar Johor Bahru  
Tarikh: 14 November 2018



Karnival Kebitaraan  
Bahasa Melayu di Angsana  
Johor Bahru Mall  
Tarikh: 19 November 2018



Sambutan Maulidur Rasul  
SAW Peringkat MBBJ  
Tarikh: 29 November 2018



Pertandingan Memancing  
Amal Cerebral Palsy Spastik  
Tarikh: 1 Disember 2018



Majlis Angkat Sumpah Panel  
Perpustakaan Sultan Ismail  
Tarikh: 5 Disember 2018



Perlawanan Boling  
Persahabatan MBBJ-MD  
Hulu Selangor  
Tarikh: 8 Disember 2018



# MALAM APRESIASI MEDIA 2018

Teks Oleh: Nurul Shafina Shaari

**21 NOVEMBER 2018** – Sempena Sambutan Jubli Perak, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berkesempatan sekali lagi meraikan rakan media MBJB dalam program Malam Apresiasi Media yang bertemakan rona perak (silver) bertempat di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru.

Program yang telah mencapai tahun kedua penganjurannya ini diisi dengan beberapa acara menarik antaranya sesi Pelancaran Kalendar Program Sempena Sambutan Jubli Perak MBJB, Pelancaran Logo Sambutan Jubli Perak MBJB dan Penyampaian Anugerah Rakan Media MBJB. Pelancaran logo Jubli Perak dan Kalendar Program Sempena Sambutan Jubli Perak telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Turut hadir, tetamu jemputan yang terdiri daripada rakan media MBJB dari pelbagai rangkaian syarikat media cetak dan media elektronik termasuklah Utusan Malaysia, Sinar Harian, New Straits Times, Harian Metro, China Press, Unit Media PDRM, Media Prima TV3, Astro Awani, RTM, Best FM dan banyak lagi di samping kehadiran pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sebagai menghargai usaha rakan media yang sentiasa proaktif membuat liputan program dan dasar MBJB, agensi media yang bertuah akan menerima Anugerah Rakan Media MBJB dari pelbagai kategori seperti *Mayor's Pick*, *Gold Award*, *Silver Award* & *Bronze Award*.

MBJB pada 1 Januari 2019 ini akan menyambut sambutan Jubli Perak dengan menampilkan pelbagai program menarik juga melibatkan warga Bandar Raya Johor Bahru seperti Majlis Tahlil dan Doa Kesyukuran, Hari Terbuka, Perasmian Zero Mile (KM 0) Johor Bahru, Larian Zero Mile, *JB Wake Up! Car Free Day* dan Majlis Makan Malam Amal.





# Sambutan Maulidur Rasul SAW 1440H

PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU

Teks Oleh: Mohamad Rashid bin Selamat

**20 NOVEMBER 2018** – Sambutan Maulidur Rasul SAW merupakan acara tahunan yang diraikan bagi mengenang dan menyantuni keperibadian mulia Nabi Muhammad SAW dengan memperbanyakkan selawat kepadanya. Tahun hijrah ke-1440 kali ini menyaksikan sambutan ini bertemakan cogan iaitu 'Menyantuni Ummah Membawa Rahmat'.

Majlis Perarakan Sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW 1440H Peringkat Daerah Johor Bahru telah diadakan di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Turut berkenan berangkat ke majlis ini ialah DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. MBBJ berjaya meraih dua kemenangan dalam majlis ini iaitu naib juara bagi 'Perarakan Terbaik Kategori Jabatan Kerajaan' dan johan bagi 'Sepanduk Terbaik Kategori Kerajaan'.

Sementara itu, YAM Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim berangkat ke Masjid Bandar Mersing sebagai wakil rasmi DYMM Sultan Johor dan mengetuai perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Johor. MBBJ turut meraih kemenangan iaitu 'Johan Perbarisan Terbaik' dan 'Penyertaan Kontinjen Teramai' dalam majlis ini.

*Sekitar... Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Johor Bahru di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru*

*Sekitar... Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Johor di Masjid Bandar Mersing*



**JADUAL WAKTU OPERASI  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**PEJABAT UTAMA MBJB & JOTIC**

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TGH - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -219 8000

**KAUNTER SETEMPAT MBJB**

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

**PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA**

*(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kampaun MBJB)*

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TGH
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -386 1535

**PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA**

*(Bagi Urusan Semakan dan Bayaran Cukai Harta & Kampaun MBJB, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Gerai, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta/ 'Parking Coupon' dan Aduan Awam)*

HARI	JAM
AHAD –RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-357 3314

**PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)**

*(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kampaun MBJB)*

HARI	JAM
AHAD-KHAMIS	1.00 TENGAH HARI - 10.00 MALAM
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
WAKTU REHAT	7.00 MALAM - 8.00 MALAM (AHAD - KHAMIS) & 12.15 TGH - 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-351 1503

**KAUNTER BERGERAK**

*(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kampaun MBJB)*

SILA LAYARI LAMAN WEB MBJB ( <a href="http://www.mbjb.gov.my">www.mbjb.gov.my</a> ) UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI	
NO. TEL. WAKTU PEJABAT	07 –219 8077
NO. TEL. WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK	019 -720 3290

**MISI  
PERKHIDMATAN  
PELANGGAN MBJB**

Memberikan  
Perkhidmatan Pelanggan  
Yang Efisien dan Mesra  
Kepada Pelanggan

**WAKTU OPERASI  
KAUNTER PANDU BAYAR**  
*(Bayaran Cukai Harta & Kampaun MBJB Sahaja)*

**MAC, APR, MEI, JUN,  
SEPT, OKT, NOV & DIS**

DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
----------------------------	-------------------------

**TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM**

Tel : 07-219 8008  
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBJB)



**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**  
PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN,  
80720 JOHOR BAHRU, JOHOR

TALIAN AM: 07-219 8000  
FAKSIMILE: 07-223 0619  
TALIAN BEBAS TOL: 1-300-88-0146  
WHATSAPP ADUAN: 019-778 8212  
LAMAN WEB: [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)  
LAMAN SISPA: [mbjb.spab.gov.my](http://mbjb.spab.gov.my)  
E-MEL: [info@mbjb.gov.my](mailto:info@mbjb.gov.my)

ISSN 2462-1536



9 772462 153006